

GAYA PENULISAN HAMKA DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN : SUMBANGANNYA DI ALAM MELAYU

Oleh : Kamarudin Ahmad & Muhammad Yusry Affandi Md. Isa

Abstrak

Hamka atau Haji Abdul Malik Karim Amrullah merupakan tokoh yang dikagumi di Alam Melayu melalui hasil karyanya dalam pelbagai bentuk. Ketokohnya sebagai penulis kreatif dan aktivis masyarakat diakui sepanjang zaman. Artikel ini cuba menganalisis pendekatan yang digunakan oleh Hamka dalam penulisan agung beliau, iaitu *Tafsir al-azhar*. Karya ini berjaya menghubungkan kait kedudukan masyarakat serta kehendak al-Quran berdasarkan kehendak syarak. Melalui karya ini Hamka mengaplikasikan pelbagai kaedah pentafsiran yang unik lagi menarik. Semuanya bertujuan untuk memudahkan masyarakat Melayu memahami pembacaan mereka terhadap tafsir tersebut serta bersesuaian dengan kehendak Islam.

Kata kunci : *Tafsir al-Azhar*, kaedah tafsir, Hamka; Masyarakat